

KESEDARAN GURU DI KOTA KINABALU, SABAH DALAM PENGETAHUAN DAN PERSEPSI TERHADAP AUTISM SPECTRUM DISORDER (ASD) (AWARENESS TOWARDS KNOWLEDGE AND PERCEPTION OF AUTISM SPECTRUM DISORDER (ASD) AMONG TEACHERS IN KOTA KINABALU, SABAH)

Mariani Majin¹
Shazia Iqbal Hashmi
Agnis Sombuling

*Fakulti Psikologi dan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah*

¹Corresponding author: marianimajin@gmail.com

ABSTRACT

This research paper aimed to provide an awareness study about teacher's knowledge of Autism Spectrum Disorder (ASD) and their perception of interest and perceived efficacy in working with ASD children in Kota Kinabalu, Sabah. In addition, the purpose of this study also to examine the relationship between teacher's knowledge of ASD and their perception. Methodology of this research is based on a survey of 240 questionnaires, which is given to each teacher from 6 selected primary schools in Kota Kinabalu, Sabah. The data collected were then analyzed by using the SPSS (Version 23), using Pearson's correlation test to study the hypotheses that had been developed. The results showed a significant positive correlation between teachers' knowledge of ASD and their perception of interest and perceived efficacy in working with ASD children. Thus, findings of this study concluded that there is still lack of awareness regarding of ASD in Kota Kinabalu, Sabah. Therefore, researcher suggested that it is important in the future for every school to implement a basic courses, proper training, workshops or related seminars for their teachers, as based from the present study showed that teachers have a quite high perception of interest and perceived efficacy in working together with ASD children.

Keywords: *autism spectrum disorder, teachers' knowledge, perception, primary school teacher*

PENGENALAN

Autism Spectrum Disorder (ASD) adalah sejenis gangguan perkembangan yang melibatkan kesukaran dalam pembelajaran, komunikasi dan interaksi sosial (American Psychiatric Association, 2013). Menurut Persatuan Psikiatrik Amerika (2013) juga menyatakan bahawa tanda-tanda ASD bermula sejak awal kanak-kanak lagi, dan kebanyakannya akan berakhir sepanjang hayat. Berdasarkan statistik komuniti dari Rangkaian Pemantauan dan Pencegahan Penyakit Autisme (ADDM) Pusat Penyakit dan Pencegahan Penyakit (CDC) (2016) menyatakan bahawa pada tahun 2012, kadar kelaziman ASD telah meningkat pada 1 dari 68 kanak-kanak yang telah dikenalpasti menghidap ASD, yang mana ia bersamaan dengan nisbah 4:1 pada kanak-kanak lelaki dan perempuan (Baio, 2014). Sementara, dalam negara Malaysia, bahagian

Kementerian Kesihatan Malaysia menganggarkan bahawa kadar kelaziman ASD adalah 1:600 pada tahun 2004, dan jumlah ini dijangka akan meningkat lebih tinggi pada masa kini, atas sebab peningkatan secara mendadak pada kadar kelaziman ASD di Amerika Syarikat (Toran *et al.*, 2016).

Berdasarkan statistik terkini dari Tina *et al.*, (2014) menunjukkan bahawa ASD adalah masalah perkembangan yang sangat serius. Maka dengan itu, keperluan pengetahuan umum tentang ASD dalam kalangan guru dan kemahiran latihan untuk menghadapi kanak-kanak ASD harus dilaksanakan, dalam kursus latihan guru pada masa hadapan. Perkara ini penting agar para guru dapat memahami kanak-kanak ASD dengan lebih baik, dalam membantu mereka dan secara tidak langsung mempunyai penjelasan yang tepat dalam

memaklumkan kepada ibu bapa mereka untuk menjalankan pemeriksaan dengan segera.

Seterusnya, berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Dolah, Yahaya dan Chong (2011), menjelaskan bahawa kebanyakan kanak-kanak yang telah sah didiagnosis menghidap ASD, mendapat pemeriksaan yang agak lewat oleh para profesional dan doktor. Hal ini disebabkan kekurangan kesedaran serta pengetahuan dalam kalangan guru dan ibu bapa, yang mana pemeriksaan ASD pada usia yang lebih awal dalam kalangan kanak-kanak menunjukkan lebih banyak peluang untuk kanak-kanak ASD belajar dengan lebih baik (Ullah *et al.*, 2015). Persoalannya, mengapa guru? Ini adalah kerana guru adalah salah seorang yang meluangkan lebih banyak masa untuk berinteraksi dengan kanak-kanak pada usia yang muda. Justeru, ia adalah penting bagi setiap guru untuk mempunyai pengetahuan umum mengenai ASD (Ullah *et al.*, 2015).

Menurut Stone dan Rosenbaum (1988), dalam kajian mereka berkenaan dengan pemahaman autisme di kalangan ibu bapa dan guru di Amerika Syarikat, mendapati bahawa kedua-dua kumpulan responden iaitu (ibu bapa dan guru), mempunyai pandangan dan pemahaman yang berbeza berkaitan dengan autisme. Akibatnya, ia membawa kepada kesan negatif terhadap usaha kerjasama pada kedua-dua belah pihak. Maka, sekiranya para guru telah diiktiraf mempunyai sekurang-kurangnya pengetahuan umum berkenaan dengan ASD, perkara sedemikian tidak akan terjadi dan sejujurnya ia akan membantu untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kesedaran berkenaan dengan ASD pada ibu bapa.

Seterusnya, jika dilihat pada sorotan kajian lepas, isu kekurangan pengetahuan dalam kalangan guru-guru di Malaysia masih wujud. Bukti dapat dilihat dalam kajian Susanna Philips (2005), berkenaan dengan tahap pengetahuan guru mengenai autisme yang dijalankan di Malaysia, terutamanya dalam aspek-aspek kognitif, sosial dan emosi kanak-kanak. Justeru, hasil keputusan kajian tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 84.3% daripada responden, iaitu para guru masih tidak dapat mengenalpasti antara jenis perkhidmatan sokongan yang disediakan untuk kanak-kanak ASD, serta pakar yang boleh dirujuk oleh ibu bapa untuk membantu kanak-kanak ASD. Maka,

sekiranya guru mempunyai pengetahuan ASD, secara tidak langsung dapat membantu ramai pihak terutamanya ibu bapa kanak-kanak.

Selain daripada itu, persepsi atau tafsiran yang tidak benar dalam kalangan kanak-kanak ASD seperti salah faham bahawa kanak-kanak tersebut mengalami masalah mental juga turut menjadi isu dalam kajian ini. Hal ini kerana, bukan semua kanak-kanak ASD tersebut mengalami masalah mental malah sebenarnya, mereka dikatakan adalah lebih pandai dan menyerlah berbanding dengan kanak-kanak normal. Namun, terdapat sedikit perbezaan dalam cara kanak-kanak ASD tersebut meluahkan dan menunjukkan tingkah laku mereka (Kliegman *et al.*, 2007). Justeru, sekiranya para guru mempunyai pengetahuan berkenaan dengan masalah ASD, pengkaji yakin bahawa persepsi guru akan menjadi lebih baik untuk berinteraksi dan mengendalikan kanak-kanak yang menghidap masalah ASD.

Sehubungan itu, isu berkenaan dengan jumlah peningkatan kanak-kanak yang telah didiagnosis ASD di Malaysia juga menimbulkan kebimbangan ramai pihak berkenaan seperti para pengkaji, pakar perubatan, sektor kesihatan awam, sektor pendidikan dan kerja sosial (Sun & Allison, 2010). Misalnya, jika dilihat dalam laporan kesihatan negara Malaysia dalam kajian Tina *et al.*, (2014) menunjukkan bahawa kadar kelaziman kanak-kanak ASD yang telah berdaftar adalah tidak tetap. Hal ini disebabkan pihak atau sektor yang berkenaan mengkategorikan masalah ASD dalam ketidakupayaan yang lain. Sebagai contoh, ketidakupayaan pada perkembangan mental, kognitif dan lain-lain. Walau bagaimanapun, terdapat satu kajian tempatan yang dijalankan oleh Azizan (2008) menyatakan bahawa terdapat 1 dalam setiap 625 orang kanak-kanak di Malaysia berpotensi menghidap masalah ASD. Maka, dapat disimpulkan bahawa kadar kelaziman dalam kalangan kanak-kanak ASD sangat tinggi.

Berdasarkan beberapa sorotan kajian lepas, kajian penyelidikan mengenai ASD di Malaysia adalah sangat terhad (Tina *et al.*, 2014) turut menjadi salah satu isu dan sekiranya ada, ia kebanyakannya hanya memberi tumpuan kepada strategi pengendalian, rawatan serta pembelajaran yang digunakan pada kanak-

kanak ASD sahaja. Manakala, bagi kajian pengetahuan dan persepsi guru tentang kanak-kanak ASD pula masih terhad. Namun, terdapat kajian awal yang dijalankan oleh Suhaily dan Siti Syuhada (2014), yang melibatkan kesedaran, pengetahuan dan sikap terhadap kanak-kanak dengan ASD, tetapi sampel yang digunakan hanya dalam kalangan komuniti tempatan di Lembah Klang, Malaysia sahaja.

Maka dengan itu, pengkaji berpendapat bahawa kajian ini sangat penting kerana menurut Persatuan Autisme Kebangsaan Malaysia (NASOM) pada tahun 2014 juga menyatakan bahawa kajian atau penyelidikan mengenai pengetahuan tentang autisme perlu dipertingkatkan, dan seterusnya untuk memastikan tahap pemahaman pada masa kini di kalangan guru tentang ASD dalam Malaysia. Selain itu, keperluan untuk memahami lebih baik tentang ASD bukan sahaja memberi tumpuan kepada satu pihak sahaja tetapi semuapihak yang berkenaan, seperti sistem pendidikan Malaysia, sistem kesihatan, ekonomi dan masyarakat (Joanna, 2015). Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneliti kesedaran akan pengetahuan ASD guru dan persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD di Kota Kinabalu, Sabah.

Hipotesis Kajian

Berikut merupakan hipotesis alternatif yang dibina:-

1. Terdapat hubungan antara pengetahuan guru ASD dan persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah berbentuk tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik bagi mengukur pengetahuan ASD dan persepsi terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD dalam kalangan guru-guru sekolah rendah.

Responden dan Lokasi Kajian

Subjek kajian adalah terdiri daripada 240 guru-guru sekolah rendah yang mengajar murid-murid dari Tahun 1 hingga Tahun 6, dari 6 buah sekolah rendah yang dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan secara rawak di kawasan bandar, iaitu daerah Kota Kinabalu di Sabah.

Alat kajian

Semua item dalam borang soal selidik telah disesuaikan dalam konteks budaya Malaysia untuk mengkaji pengetahuan ASD dalam kalangan guru di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia dan persepsi mereka terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD. Berdasarkan analisis, kebolehpercayaan dalam borang soal selidik didapati tinggi pada pengetahuan guru tentang ASD ($\alpha=.769$) dan ($\alpha=.828$) untuk persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD.

Sebagai makluman, asal borang soal selidik yang digunakan adalah dari kajian yang dijalankan oleh Lian *et al.*, (2008) dari kajian berkenaan dengan pengetahuan, sikap dan amalan di kalangan guru prasekolah mengenai gangguan perkembangan dan tingkah laku kanak-kanak di Singapura. Kemudian, soal selidik yang sama diadaptasi dan digunakan dalam kajian Liu *et al.*, (2016) tentang pengetahuan, sikap dan persepsi ASD dalam persampelan berstruktur guru prasekolah di China.

Dalam kajian ini, satu set borang soal selidik digunakan untuk membuat pengumpulan data dan borang soal selidik tersebut terbahagi kepada 3 bahagian, iaitu:

Bahagian A : Demografi Responden

Bahagian ini mengandungi maklumat diri responden yang terdiri daripada jantina, umur, etnik, agama, tahap pendidikan tertinggi, tahun mengajar di sekolah, pernah mendapatkan latihan pendidikan awal kanak-kanak (secara formal), pernah mendapatkan latihan pendidikan khas (secara formal), pengalaman bersama kanak-kanak pendidikan khas, pernah mendengar berkenaan dengan ASD dan sedikit soalan tambahan mengenai sumber maklumat didapati berkenaan dengan ASD, di mana

soalan tersebut telah disesuaikan daripada kajian *Ullah et al.*, (2015).

Bahagian B : Pengetahuan ASD Guru

Bahagian ini terdiri daripada 17 kenyataan dengan pilihan “betul”, “tidak” dan "tidak tahu" mengenai ASD.

Bahagian C : Persepsi Guru terhadap Minat dan Keberkesanan mendapatkan Latihan Khas

Bahagian ini terdiri daripada 8 item, merujuk kepada persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD, mengandungi sistem skala 5 likert, dari 1 "sangat tidak bersetuju" hingga 5 "sangat setuju".

Analisis Data

Hasil analisis deskriptif

Jadual 1: Data demografi responden

	Kekerapan (n = 240)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	50	20.8
Perempuan	190	79.2
Pendidikan		
Diploma	46	19.2
Ijazah Sarjana Muda atau setaraf	186	77.5
Ijazah Sarjana atau lebih tinggi	8	3.3
Latihan formal dengan kanak-kanak berkeperluan khas		
Ya	17	7.1
Tidak	223	92.9
Pengalaman kerja dengan kanak-kanak berkeperluan khas		
Berdasarkan masa lalu / pengalaman	97	40.4
Sekali mengajar kanak-kanak dengan keperluan khas	15	6.3
Kelas semasa dihadiri dengan kanak-kanakkeperluan khas	31	12.9
Tidak pernah	97	40.4
Pernah mendengar Autism Spectrum Disorder (ASD)		
Ya	189	78.8
Tidak	51	21.3
Sumber maklumat ASD didapati		
Media cetak	43	17.9
Media elektronik	42	17.5
Latihan	15	6.3
Seminar / Bengkel	25	10.4
Rakan-rakan sekerja / Pengajar	48	20.0
Lain-lain	16	6.7

Data yang dikumpul kemudian dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)* versi 23. Pada peringkat permulaan, pembersihan data dijalankan untuk mengenalpasti data yang hilang. Seterusnya, analisis deskriptif dijalankan untuk meneliti demografi para guru, pengetahuan ASD guru dan persepsi terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD. Akhir sekali, ujian korelasi dijalankan untuk mengkaji hubungan pengetahuan guru tentang ASD dan persepsi mereka terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD.

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini menerangkan hasil dapatan kajian deskriptif dan inferensi. Hasil analisis diperincikan seperti berikut:

Dalam kajian ini, sebanyak 240 borang soal selidik telah diedarkan kepada para guru. Berdasarkan hasil kajian yang didapati dalam Jadual 1, menunjukkan bahawa 20.8% (50) terdiri daripada guru lelaki dan 79.2% (190) adalah guru perempuan. Sementara 19.2% (46) guru adalah dari Diploma, 77.5% (186) dari Ijazah dan hanya 3.3% (8) guru dari Ijazah Sarjana Muda.

Dalam Jadual 1 juga menunjukkan bahawa hanya 7.1% (17) guru telah mengikuti latihan formal dengan kanak-kanak berkeperluan khas dan 92.9% (223) guru menyatakan tidak pernah. Bagi pengalaman kerja dengan kanak-kanak berkeperluan khas berdasarkan pengalaman menunjukkan sebanyak 40.4% (97) guru, 6.3% (15) yang pernah mengajar kanak-kanak berkeperluan khas dan 12.9% (31) guru menyatakan bahawa kelas semasa mereka dihadiri kanak-kanak keperluan khas. Seterusnya, sebanyak 40.4% (97) guru tidak pernah mengalami bagaimana untuk mengendali atau mengajar kanak-kanak berkeperluan khas. Akhir sekali, terdapat

78.8% (189) guru menyatakan bahawa mereka pernah mendengar berkenaan dengan ASD dan 21.3% (51) daripada mereka memberi respon tidak pernah.

Sehubungan itu, Jadual 1 juga turut menunjukkan 17.9% (43) guru mendapat sumber maklumat berkenaan dengan ASD dari media cetak, 17.5% (42) dari media elektronik, 6.3% (15) dari latihan, 10.4% (25) dari seminar atau bengkel yang pernah dihadiri dan seterusnya, 20.0% (48) yang merupakan catatan paling tinggi dari rakan-rakan sekerja atau tenaga pengajar yang lain dan selebihnya 6.7% (16) adalah lain-lain.

Bagi hasil keputusan pengetahuan ASD para guru dalam Jadual 2, menunjukkan bahawa hanya 42.2% (101) guru menjawab dengan betul melebihi daripada separuh item dalam borang soal selidik pengetahuan ASD guru, manakala 57.8% (139) adalah tidak betul, iaitu kurang daripada separuh item.

Jadual 2: Hasil keputusan pengetahuan ASD guru

Pengetahuan guru mengenai ASD	Kekerapan (N = 240)	Peratus (%)
Jawapan betul melebihi daripada separuh item	101	42.2%
Jawapan tidak betul kurang daripada separuh item	139	57.8%

Seterusnya, bagi persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD dalam Jadual 3, menunjukkan bahawa hampir 96.2% (222)

guru memberi respon yang tinggi, manakala 3.8% (18) guru menunjukkan respon yang rendah terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD.

Jadual 3: Hasil keputusan persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD

Persepsi	Kekerapan (N = 240)	Peratus (%)
Respon tinggi dalam minat dan keberkesanan yang dipercayai	222	96.2%
Respon rendah dalam minat dan keberkesanan yang dipercayai	18	3.8%

Selain daripada itu, ujian korelasi juga digunakan untuk menentukan hubungan yang wujud di antara pembolehubah bebas yang merupakan pengetahuan guru tentang ASD dan pembolehubah terikat yang merupakan persepsi

guru terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD.

Berdasarkan Jadual 4, ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan positif yang

signifikan dari skor pengetahuan guru ASD dan persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD ($r=.179$, $p < .05$). Justeru, hasil kajian ini menunjukkan bahawa jika terdapat skor rendah pada

pengetahuan ASD di kalangan guru, ia juga secara tidak langsung akan membawa kepada skor rendah pada persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD.

Hasil analisis inferensi

Jadual 4: Hasil keputusan ujian korelasi antara hubungan pengetahuan ASD guru dan persepsi guru terhadap minat dan keberkesanan yang dipercayai dalam melibatkan diri untuk bekerja dengan kanak-kanak ASD

Skala	nilai r	Sig
Pengetahuan guru mengenai ASD	.179 **	.005
Persepsi para guru		

** . Korelasi adalah signifikan pada tahap 0.01 (2-ekor).

PERBINCANGAN

Berdasarkan hasil kajian yang didapati, walaupun 78.8% guru menyatakan bahawa mereka pernah mendengar berkenaan dengan ASD, tetapi tidak semua dari mereka benar-benar memahami serta mengetahui ciri-ciri ASD. Sehubungan itu, pengkaji juga menyokong bahawa masih terdapat beberapa orang guru keliru dengan kanak-kanak ASD serta kanak-kanak berkeperluan khas yang lain, seperti kanak-kanak hiperaktif seperti yang dinyatakan dalam Jadual 2, menunjukkan jawapan tidak betul iaitu kurang daripada separuh item mencatat sebanyak 57.8%. Dengan itu, hasil dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dalam kajian yang dijalankan oleh Durand-Zaleski *et al.*, (2012) dalam sebuah kajian yang mengkaji kesedaran tentang autisme dengan nama yang tidak semestinya disertai pengetahuan tentang ciri-ciri gangguan tertentu. Justeru, hasil dapatan kajian menunjukkan walaupun 95% responden dapat mengenali kanak-kanak ASD, namun kurang daripada 70% berupaya menyatakan ciri-ciri khas ASD.

Sehubungan itu, kajian ini juga turut menunjukkan keputusan yang hampir sama dengan data kajian lepas yang telah dijalankan di Malaysia (Suhaily & Siti Syuhada, 2014), iaitu kajian berkaitan dengan pengetahuan, sikap dan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap kanak-kanak ASD.

Justeru, hasil keputusan tersebut menunjukkan skor yang rendah kerana hanya 25.2% mengenali ciri-ciri kanak-kanak autisme, 40.5% tidak pasti dan selebih daripada itu iaitu 34.3% adalah tidak mengenali.

Sebagai cadangan, pengkaji meneliti bahawa kajian ini adalah sangat penting kerana ia dapat menggalakkan bilangan guru untuk mengetahui lebih lanjut mengenai ASD. Hal ini kerana, semasa pengkaji mengagihkan borang soal selidik, hampir semua responden memerlukan penjelasan tentang ASD selepas selesai menjawab borang soal selidik tersebut. Dengan ini mungkin kaedah kualitatif seperti wawancara secara peribadi dengan responden boleh dicadangkan untuk kajian pada masa akan datang. Sebagai tambahan, kajian ini juga dapat menyediakan data semasa dan secara tidak langsung dapat memotivasi pengkaji-pengkaji lain atau masa depan untuk mendapatkan lebih banyak penemuan serta pemahaman yang lebih baik berkenaan dengan ASD.

Menurut See (2011), peningkatan jumlah kanak-kanak ASD mempunyai lebih daripada 60,000 kanak-kanak di Malaysia dan menyebabkan banyak stigma negatif dan sosial yang berkaitan dengan ASD dalam masyarakat pada masa kini, dan semuanya adalah atas sebab kekurangan kesedaran dan pengetahuan mengenai ASD. Dengan penemuan dalam kajian ini, Malaysia boleh bekerjasama untuk meningkatkan kesedaran, pengetahuan tentang

ASD supaya persepsi dan sikap yang lebih positif dapat diterapkan dalam kalangan guru, ibu bapa serta masyarakat, seperti pernyataan yang disebut oleh Quirantes (2009) bahawa semua usaha bersama yang berjaya adalah kerjasama daripada semua pihak termasuk ibu bapa, guru, sekolah, pusat kesihatan, agen dari kumpulan sokongan dan kanak-kanak ASD sendiri.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, berdasarkan hasil kajian yang didapati, ternyata masih kurang pengetahuan tentang ASD dalam kalangan guru-guru yang mana ia secara tidak langsung memberi kesan yang besar kepada persepsi terhadap kanak-kanak dengan ASD di Malaysia. Walaupun banyak responden menyatakan pernah mendengar mengenai ASD, namun masih ramai yang tidak memahami apa sebenarnya ciri-ciri kanak-kanak ASD ini. Keadaan ini membuktikan bahawa sesetengah daripada mereka masih tidak dapat mengenali dan keliru dengan ciri-ciri kanak-kanak ASD, di mana mereka menganggap bahawakategori kanak-kanak ini sebagai kanak-kanak yang nakal, kanak-kanak hiperaktif dan sebagainya. Oleh itu, kekeliruan tentang gangguan ini masih berlaku walaupun guru-guru tersebut adalah guru dari pendidikan khas (Stone & Rosenbaum, 1988).

Selain daripada itu, berdasarkan kajian lepas turut menyatakan bahawa tahap kesedaran di Malaysia masih rendah dan ini menyebabkan kanak-kanak atau orang dewasa yang menghidap ASD sering disalah faham dan dianggap sebagai orang yang mempunyai masalah mental (Hew, 2000) walaupun sebenarnya tidak. Akhir sekali, para guru, ibu bapa, keluarga, saudara mara atau penjaga dinasihatkan untuk sentiasa memerhatikan pelajar atau kanak-kanak mereka supaya kanak-kanak istimewa ini mempunyai peluang untuk memenuhi golongan profesional dan berupaya untuk bekerja pada bidang yang sesuai di masa hadapan kelak.

RUJUKAN

- American Psychiatric Association. (2013). *Diagnostic and statistical manual of mental disorders* (5th Ed.). USA: APA.
- Baio J. (2014). Prevalence of Autism Spectrum Disorder Among Children Aged 8 Years Autism and Developmental Disabilities Monitoring Network, 11 Sites, United States, 2010. *MMWR Surveill Summ CDC*, 63, 1–21.
- Centers for Disease Control and Prevention. (2016). *Prevalence and Characteristics of Autism Spectrum Disorder among Children Aged 8 Years – Autism and Developmental Disabilities Monitoring Network (ADDM), Sites, U.S., 2012*. Atlanta, GA: CDC, Surveillance Summaries, 65:3.
- Dolah, J., Yahaya, W. A. J. W., & Chong, T. S. (2011). A Preliminary Investigation: Potential of Interactive Multimedia Learning Awareness (IMLA) in Enhancing Awareness of Autistic Characteristics among Parents and Society in Malaysia. *Electronic Journal of Computer Science and Information Technology (eJCSIT)*, 3(1), 19-25.
- Durand-Zaleski, I., Scott, J., Rouillon, F., & Leboyer, M. (2012). First national survey of knowledge, attitudes and behaviours towards schizophrenia, bipolar disorders and autism in France. Di laman sesawang: <http://www.biomedcentral.com/141244X/12/128>
- Hasnah Toran, Mohd. Hanafi Mohd. Yasin Mohd. Mokhtar Tahar, & Norani Salleh. (2010). Tahap Latihan, Pengetahuan dan Keyakinan Guru guru Pendidikan Khas Tentang Autisma. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 19-26.
- Hew, M. (2000, Feb 9). A misunderstood condition. *New Straits Times*, p. 5.
- Joanna, M. L. (2015). *Living with Autism in Malaysia*. Kuala Lumpur: Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS).
- Kliegman, R., Behrman, R., Jenson, H., & Stanton, B. (2007). *Nelson*

- Textbook of Pediatrics 18th Edition*. PA: Elsevier/Saunders.
- Lian, W. B., Ying, S. H., Tean, S. C., Lin, D. C., Lian, Y. C., & Yun, H. L. (2008). Preschool teachers' knowledge, attitudes and practices on childhood developmental and behavioral disorders in Singapore. *J Paediatric Child Health*, 44(4), 187-194.
- Liu, Y., Li, J., Zheng, Q., Zaroff, M. C., Hall, J. B., Li, X. H., & Hao, Y. (2016). Knowledge, attitudes, and perceptions of autism spectrum disorder in a stratified sampling of preschool teachers in China. *BMPsychiatry*, 16(142).
- Mavropoulou, S., & Padelidadi, S. (2000). Greek teachers' perceptions of autism and implications for educational practice: A preliminary analysis. *Autism: The International Journal of Research and Practice*, 4(2), 173-183.
- See, C. M. (2012). The use of music and movement therapy to modify behaviour of children with autism. *Pertanika Journals Social Sciences & Humanities* 20(4), 1103-1116.
- Stone, W. L., & Rosenbaum, J. L. (1988). A comparison of teacher and parent views of autism. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 18(3), 403-414.
- Suhaily binti Md Shamsudin & Siti Syuhada binti Abdul Rahman. (2014). A Preliminary Study: Awareness, Knowledge and Attitude of People towards Children with Autism. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR 2014* (e-ISBN 978-967-11768-70). 9-10 June 2014, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
- Sun, X., & Allison, C. (2010). A review of the prevalence of Autism Spectrum Disorder in Asia. *Research in Autism Spectrum Disorder*, 4(2), 156-167.
- Susanna Philips. (2005). *Tahap-tahap Pengetahuan Mengenai Sindrom Autisme di Kalangan Guru Kelas Biasa*. Di laman sesawang: <http://rmc.upsi.edu.my/v2/ewacana/Sindrom.htm>
- Tina, T. X. N., Lay, W. L., Hui, M. L., Noel, K. H. C., & Arnold, C. K. C. (2014). Prevalence, Diagnosis, Treatment and Research in Autism Disorders (ASD) in Singapore and Malaysia. *International Journal of Special Education* 29(3), 82-92.
- The National Autism Society of Malaysia (NASOM). (2013). Di laman sesawang: <http://www.nasom.com.my/>
- Toran. H., Westover, J. M., Sazlina, K., Suziyani, M. & Mohd Hanafi, M. Y. (2016). The Preparation, Knowledge and Self Reported Competency of Special Education Teachers Regarding Students with Autism. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 24(1): 185-196.
- Ullah, S., Aqdas, I. M., Khan, N., Nabi, G., & Aziz, T. (2015). Awareness Regarding Autism in Schools' Teachers at District Lower Dir, Khyber Pakhtunkhwa, Pakistan. *Universal Journal of Medical Science*, 3(3), 55-59.
- Quirantes, D. (2009). Collaborative Approach to Autism: A Parent's Perspective. *Journal for Specialists in Pediatric Nursing*, 14(3), 203-205.